

LAPORAN POSTMORTEM SEMINAR DAN PELANCARAN
BUKU ADAB DAN PERADABAN
16HB FEBRUARI 2013



Pengenalan

Seminar dan Pelancaran buku *Adab dan Peradaban* yang bertemakan “Memupuk Adab Membangun Peradaban Unggul” telah diadakan di Ballroom A, Hotel Renaissance, Kuala Lumpur pada 16hb Februari 2013 jam 8 pagi ke 1.30 petang. Program ini dirancang selama 4 minggu (21 Januari-16 Februari) sebelum tarikh seminar bagi memastikan segala perkara berjalan dengan lancar. Program ini dapat berjaya dilaksanakan dengan sokongan dan kerjasama daripada beberapa organisasi persendirian seperti Ta’dib International , Himpunan Keilmuan Muslim (HAKIM), Yayasan Iqra’ dan Persatuan Penulis Nasional Malaysia(PENA) . Majlis diserikan lagi dengan pembukaan gerai penjualan buku di dalam sisi depan tersebut daripada beberapa syarikat penerbit dan organisasi seperti HAKIM, Institut Terjemahan Bahasa Malaysia(ITBM) , Islamic

Banking and Finance Institute Malaysia(IBFIM) ,UTM Press dan daripada CASIS sendiri. Tidak juga dilupakan pameran seni khat daripada Gajir Kaligrafi turut sertai.



Perjalan Majlis

Acara bermula seawal jam 8.30 pagi hingga jam 9 pagi bagi memberi ruang pada peserta untuk menjamu sarapan pagi yang disediakan dan membuat pendaftaran. Para peserta di berikan ‘goody bags’ yang berbentukkan buku *Budaya Ilmu dan Gagasan 1Malaysia* oleh Prof Wan Mohd Nor Wan Daud dan *Pemikiran dan Pembinaan Tamadun Transformasi Modal Insan ke arah Negara Maju* oleh Prof Dr. Muhammad Zainiy Uthman semasa pendaftaran. Kata alu-aluan dan ucap utama daripada Pengarah CASIS , Prof Wan Mohd Nor Wan Daud didahului dengan bacaan al-Qur'an surah al-nur oleh salah seorang pelajar CASIS En. Rahmat Hidayat daripada Indonesia.

Sesi pertama seminar dipengerusikan oleh Datuk Dr. Ghazali Md. Noor (sebagai wakil Yayasan Iqra') kepada tiga orang pembentang terpelajar seperti



Dr. Haji Awang Sariyan (Ketua Pengarah Dewan Bahasa & Pustaka) , Prof. Madya Dr. Wan Suhaimi Wan Abdulla (pensyarah CASIS) dan Prof Madya Dr. Mohd Zariat Abdul Rani (pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM). Ketiga-tiga pembentang ini masing-masing membicarakan ... bertemakan *Peranan Bahasaa Dalam Pemikiran al-Attas, Ilmu Kalam dan Aqidah dalam Pemikiran al-Attas* dan *Sumbangan al-Attas didalam Bidang Sastera*. Setiap pembentang mengambil masa selama 20 minit seorang untuk membentang isi tajuk mereka. Setelah selesai syarahan daripada para panelis, sesi soal jawab dilaksanakan

selama kurang lebih 30 minit yang memberi peluang peserta berinteraksi dengan para pembentang. Sesi pertama ditutup dengan acara pemberian hadiah dan cenderamata kepada



ahli-ahli panelis termasuk kepada pengurus majlis. Cenderamata yang berbentuk buku-buku hasil nukilan daripada pensyarah CASIS seperti *Batu Bersurat of Terengganu: Its Correct Date, Religio-Cultural and Scientific Dimensions* disunting oleh Prof. Dr. Muhammad Zainiy Uthman, *Lata’if al-Asrar li-Ahl Allah al-Atyar of Nur al-Din al-Raniri* terjemahan oleh Prof. Dr. Muhammad Zainiy Uthman, *Rihlah Ilmiah: Dari Neomodernisme ke Islamisasi Ilmu Kontemporer* ditulis oleh Wan Mohd Nor Wan Daud dan buku Adab dan Peradaban itu sendiri.



Sesi kedua pula dilihat merangkumi barisan intelektual muda yang dipengerusikan oleh salah seorang pelajar Ph.D CASIS, Puan Khalina Normaiza binti Mohammed Khalili. Antaranya adalah Syed Muhammad Muhiyuddin al-Attas (Pelajar Master CASIS), Khayurrijal Abdul Halim

Abdul Halim (Pelajar Master CASIS) dan Siti Nor Aisyah binti Ngadiran (Pensyarah Muda di Pusat Pemikiran Kefahaman Islam CiTU, UiTM Dungun) yang masing-masing perbicaraan

yang bertajuk *Batas Pengetahuan Insan dalam Pemikiran Kant dan al-Attas, Kritik al-Attas Terhadap Falsafah Barat* dan *Sumbangan al-Attas dalam Sejarah Peradaban Melayu*. Pada asalnya, dicadangkan saudara Wan Mohd Aimran Wan Mohd Kamil untuk menyertai seminar sebagai pembentang pertama yang merupakan pelajar Ph.D separuh masa CASIS dan juga pensyarah Astrofizik di UKM tetapi digantikan dengan Saudara Syed Muhammad Muhiyyudin atas sebab masalah kesihatan. Malangnya disebabkan masa tidak mengizinkan, sesi kedua tamat pada jam 12.30 tengahari tanpa mengadakan sesi soal jawab bersama para peserta. Cenderamata dan penghargaan yang disampaikan oleh wakil pensyarah CASIS Prof Madya Dr. Khalif Muammar kepada pembentang sesi kedua berbentuk buku-buku seperti *Batu Bersurat of Terengganu: Its Correct Date, Religio-Cultural and Scientific Dimensions* disunting oleh Prof. Dr. Muhammad Zainiy Uthman, *Riqlih Ilmiah: Dari Neomodernisme ke Islamisasi Ilmu Kontemporer* ditulis oleh Wan Mohd Nor Wan Daud dan buku Adab dan Peradaban.

Acara terakhir iaitu acara pelancaran buku Adab dan Peradaban pula bermula tepat jam 12.40 tengahari





yang dimulakan dengan ucapan formal daripada Naib Chancelor UTM , Prof Dato' Seri Dr. Zaini Ujang. Kemudian selesai itu, ucapan penghargaan pula disampaikan oleh Y.M. Datuk Dr. Syed Ali Tawfik al-Attas sebagai wakil kepada Y.M. Tan Sri Prof Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas. Diikuti dengan ucapan pelancaran daripada Y.B. Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkasyi ,Timbalan Menteri Pelajaran II.

Pada sesi pelancaran itu pula, gimik pelancaran yang menggambarkan pertemuan budaya antara dunia Melayu dan Islam apabila beberapa VIP seperti Prof Dato' Seri Dr. Zaini Ujang, Y.M. Datuk Dr. Syed Ali Tawfik al-Attas, Y.B. Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkasyi, Prof. Dr. Wan Mohd Nor Wan Daud, Datuk Dr. Ghazali Md. Noor, Ketua Pengarah Biro Tatanegara Datuk Raja Arif bin Raja Ali,Dr. Mohd Zaidi Ismail dan Dr. Wan Suhaimi Wan Abdullah(kedua-duanya mewakili penerbit bukutersebut iaitu Ta'dib International) hadir di atas pentas untuk membuka kotak rehal yang diisikan dengan buku Adab dan Peradaban. Buku itu dilancarkan dengan memotong riben yang membalut buku tersebut dan diletakkannya semula keatas rehal itu.



Antara VIP lain yang menyertai pelancaran ini adalah Tan Sri Yusof Hitam, Dato' Dr. Ramli Musa, Dr. Nor 'Adha Abd Hamid (Timb.Rektor KUIS), En. Mohd Nizam b. Mohd Ali (Institut Integriti Malaysia) dan Dato' Zuber Embong.

Pelancaran tamat tepat jam 1.30 tengahari dan para peserta dijemput untuk ke ruang makan Restoran Temptations yang memuatkan seramai 250 orang dan ruangan makan khas untuk VIP seramai 50 orang di Restoran Stage Lounge. Setelah selesai acara, VIP dijemput untuk mengikuti Press conference yang telah dipindahkan ke ruang makan Stage Lounge daripada tempat asal di bilik VIP untuk kemudahan masing-masing. Urusetia menyediakan kupon makan kepada peserta untuk menikmati hidangan makan tengahari yang disediakan

secara percuma pada hari tersebut. Para peserta mengambil masa ini untuk membeli buku-buku yang dijual oleh organisasi seperti dinyatakan diatas.

Penyertaan


Majlis ini menampakkan penyertaan seramai 350 orang yang terdiri daripada rata-rata pelajar dan tenaga pengajar universiti-universiti daripada Malaysia, Singapura dan Indonesia seperti PKPIM, UIA, UM, UKM, USIM, UiTM, KUIS, Yayasan as-Sofa, UPM, UMP, UniSZA, UniSel, UniKL, Tazkia Universiti, KIPSAS, Markaz Siswa Siswi Islam Sabah dan lain-lain. Juga dapat dilihat penyertaan daripada organisasi kerajaan dan persendirian seperti MTEM, DBKL, BTN, DBP, IBFIM, APIUM, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, Petronas, Pusaka Keris KL, Asian Youth Council, PENA, ITBM, Alumni Antarabangsa Al-Azhar Malaysia, IDEAS, Pengkarya Seni KL dan Selangor dan lain-lain. Tidak dilupakan juga kepada penyertaan daripada individu dan golongan professional yang lain.



Beberapa cendekiawan dan juga merupakan barisan penyumbang dalam menulis artikel didalam buku Adab dan Peradaban yang turut serta pada hari tersebut adalah :

1. Prof. Madya Dr.Tatiana Denisova
2. Dr. Mohd Zaidi Ismail
3. Prof.Madya Dr. Nurdeng Deurasah
4. En. Roslan Abd Jelani
5. Dr. Mohd Farid Mohd Shahran

6. Dr. Wan Azhar Wan Ahmad?
7. Dr.Mohd Sani Badron?



Promosi dan Media

Beberapa hari sebelum majlis ini diadakan, beberapa orang wakil daripada pelajar CASIS telah dijemput oleh Direktor IKIMfm, Tn. Hj. Nik Roskiman Abdul Samad untuk mempromosikan dan mewarwarkan program ini di radio IKIM pada slot jam 9.30 pagi , 12hb Februari 2013. Pelajar yang terlibat adalah saudara Wan Mohd Aimran b Wan Mohd Kamil, Muhammad Husni Mohd Amin dan Muhammad Syafiq Borhannuddin.

Media rasmi kami adalah daripada TV AlHijrah. Antara beberapa media yang hadir pada hari tersebut adalah daripada Astro Awani, Berita Harian, Metro, Kosmo, The Star dan lain-lain.

Sebuah laman sesawang www.adabperadaban.com telah dibina bagi menyenangkan kerja pendaftaran sebelum program tersebut diadakan yang ditaja oleh Alunancipta. Poster , banner , bunting dan buku aturcara pula dibuat oleh saudara Muhammad Syukri Rosli.

Urusetia



Mesyuarat antara ahli urusetia dan pihak pengajur diadakan sebanyak empat kali yang bertarikh 31hb Januari, 5hb Februari, 8hb Februari, 14hb Februari 2013 bertempat di Bilik Mesyuarat CASIS. Kami telah mengadakan lawatan pada dua tempat cadangan iaitu di Hotel Double Tree Hilton pada 31hb Januari dan di Hotel Renaissance pada 5hb Februari 2013.

Seramai 29 orang urusetia yang terdiri daripada pelajar-pelajar dan staff CASIS dan 9 orang sukarelawan yang terdiri daripada mahasiswa-mahasiswa UIA dan juga seorang daripada UTM. Antara nama urusetia yang terlibat adalah seperti di lampiran A.

Lampiran A : Senarai Nama Jawatan/Tugas Urusetia

Nama Urusetia	Jawatan/Tugas
1. KHALINA NORMAIZA BINTI MOHAMMED KHALILI	Pengerusi Sesi Kedua
2. KHAYRURRIJAL ABDUL HALIM	Pembentang Sesi Kedua
3. MOHD FIRDAUS BIN MOHAMED KHAIRI	Membina Website
4. ZARINA MUHAMMAD	Reception dan Goody Bags
5. ABDUL AZIZ BIN ABDUL KARIM	Usherer
6. AI WARDAH MARDIAH BINTI KOSWIAR	Reception
7. ARIF MUNANDAR RISWANTO	Reception dan Penulis Sijil
8. EDI KURNIAWAN	Reception dan Penulis Sijil
9. FIQIH RISALAH	Usherer (Ketua)
10. HAERUL ANWAR	Pelapor
11. METSRA WIRMAN	Pelapor
12. MOHAMMAD ZAKKI AZANI	Reception dan Pembuat Sijil
13. MOHD. HILMI BIN RAMLI	Usherer
14. MUHAMMAD SYUKRI ROSLI	Design Promotion dan Technical
15. MUHAMMAD HUSNI BIN MOHD AMIN	Reception dan Ketua Pendaftaran
16. MUHAMMAD IKHWAN AZLAN	Shadow MC
17. MUHAMMAD SYAFIQ BORHANNUDDIN	Media dan Usherer
18. MUKHLAS NUGRAHA	Reception
19. NOOR IDAYU BT ABD WAHID	MC
20. RAHMAT HIDAYAT	Pembaca al-Qur'an
21. SAIDINA USMAN EL-QURAISY	Pembaca Do'a dan Menjual Buku
22. SHARIFAH HAJAR BINTI SYED AHMAD	Penolong Pengarah Program dan Floor Manager 2
23. SYED MUHAMMAD MUHIYYUDIN AL-ATTAS BIN SYED HUSSEIN AL-ATTAS	Pembentang Sesi Kedua
24. WAN AHMAD FAYHSAL BIN WAN AHMAD KAMAL	Floor Manager 1
25. ALI MUKHTAR	Pelapor
26. NURHIDAYAH ISMAIL	Usherer
27. AFIQAH AFFANDI	Usherer
28. FAIZAH IBRAHIM	PEmberi Hadiah dan Usherer
29. SARAH SYAFIQAH	Pemberi Hadiah dan Usherer
30. SARAH SYAZWAN	Pemberi Hadiah dan Usherer
31. SITI NOOR HANIS	Usherer
32. HANAN 'AQILAH	Penjaga Masa
33. HAYATI MOKMIN	Usherer
34. PN. RASHIDAH SARIP	Staff
35. EN NORDIN	Staff
36. EN MOHD NOR	Staff
37. RAJA NUR SYAZA ADILA	Usherer
38. IBRAHIM ZAINIY	Usherer

